

# Keperibadian, agenda Pak Lah faktor kemenangan BN

Oleh Hishamuddin Aun

ISLAM Hadhari yang menjadi antara tema yang diperkenalkannya, begitu mudah dipersendakan Pas. Kepada pemimpin pembangkang seperti Datuk Seri Abdul Hadi Awang, pelbagai alasan dicari kononnya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak pun tahu memilih istilah yang tepat.

Kemudian, ketrampilan Perdana Menteri untuk mengimamkan solat sunat tarawih pada Ramadan lain turut dimomokkan sebagai bertujuan politik semata-mata. Kecenderungannya memilih ayat lazim yang pendek, juga ditonjol sebagai menggambarkan kedangkalan ilmu.

Banyak lagi serangan peribadi yang dihalakan kepadanya - anggota keluarganya turut tidak terkecuali - tetapi Pak Lah memilih untuk memberi penjelasan atau dalam banyak keadaan, sekadar berdiam diri.

Sekalipun pada temu bual di rumahnya di Kepala Batas, 12 Mac lain. Perdana Menteri mengakui terguris dengan cakap-cakap seperti itu hingga ada kalanya terdorong untuk bertindak balas, keawaran dan harus juga keimanan menghalangnya meneruskan niat berkenaan.

"Ia (serangan peribadi) adalah satu ketidakadilan kepada saya," kata Pak Lah yang daripada riak wajahnya menyerlahkan rasa kesal kerana sembah-

yang jenazah ibunya turut dipolitikkan. "Tetapi biarlah... saya tidak akan bertindak balas."

Begitu juga usahanya untuk memeringi rasuah, memperbaiki sistem penyampaian kerajaan dan mengurus ekonomi dengan berhemat, bukannya tanpa halangan. Bukan rahsia di kalangan anggota Kabinetnya, sudah ada beberapa yang mendesak langkah agresifnya dikendurkan.

Dalam memutuskan senarai calon Barisan Nasional (BN) menjelang hari penamaan calon 13 Mac lain, risikan yang diambilnya selaku Pengerusi BN tidak kurang besarnya. Kira-kira sepertiga calon adalah muka baru yang antara lain menyaksikan sekelompok lebih 50 ketua penaja bahagian Umno turut tidak tersenarai.

Sambil sebahagian mereka menggunakan pelbagai 'kanel' untuk kembali dicalonkan, sebilangan yang lain pula mengancam untuk menutup bilik gerakan pilihan raya di kawasan masing-masing sebagai tanda protes.

Kepada segelintir, Pak Lah menurut kemahuan mereka sesudah mendapatkan pandangan kedua. Namun, kepada sebahagian besar yang lain, Pemangku Presiden Umno itu tetap tidak berganjak daripada pendirian asalnya demi menyuntik perubahan yang kerap diperkatakannya.

Baik kepada Pas mahupun kerabat BN dan Umno sendiri, jawapan paling

lantang terhadap momokan dan keraguan mereka, ditampilkan bukan oleh Pak Lah tetapi warga demokrasi Malaysia yang memberi mandat besar kepadanya dalam Pilihan Raya Umum Ke-11, kelmarin.


Barangkali ia mengatasi ramalan Perdana Menteri sendiri untuk kerajaan Pas Terengganu direbahkan sedemikian rupa selain kekebalan kerajaan Pas Kelantan dirobekkan untuk memerintah tanpa banyak kuasa dan suara.

Di Kedah dan Perlis, gegak-gempita Pas untuk menawan kedua-dua negeri berkenaan hanya tinggal bisik-bisik sambil kemenangan BN dengan menguasai lebih dua pertiga kerusi Parlimen adalah pengiktirafan dan sandaran keyakinan terhadap kerajaan baru pimpinannya.

Sebagai perbandingan, inilah keperibadian secara hikmah yang dimiliki Pak Lah sebagai kekuatan dalam merealisasikan aspirasi dan harapan memajukan sebuah negara yang rakyatnya berbilang kaum dan agama.

Kepada hadirin di Kuala Krai dan Tanah Merah, Jumaat lalu, ucapannya berbunyi: "Ada pula orang kata apahal Pak Lah ni... Pak Lah anak tok guru... pasal Islam dia tak buat ke... tak beri perhatian ke... saya kata saya beri perhatian.

"Ramai saksi yang tengok macam mana saya laksanakan. Sebagai seorang Islam, mana boleh saya lupa hal



REAKSI Pak Lah ketika menunggu pengumuman keputusan Pilihan Raya Umum Ke-11 di Bilik Gerakan BN, semalam.

agama, saya pun nak juga hasanah dunia dan hasanah akhirat.

"Kita baca al-Quran yang sama. (Datuk) Nik Aziz (Nik Mat, Menteri Besar Kelantan) dan Hadi juga baca al-Quran yang sama. Yang membezakan di kalangan umat Islam ialah bagaimana kita mengikuti ajarannya untuk jadikan kita yang baik, maju dan elok.

"Negara kita berbilang kaum. Saya bukan Perdana Menteri untuk orang Islam saja. Manalah (boleh) perintah macam itu."

Sambil Pak Lah sekadar menyatakan secukupnya untuk pendekatan Islam Hadharinya dipercayai dan pada masa yang sama tidak pun me-

ngundang rasa sangsi penganut agama lain, selebihnya dipermudahkan oleh keangkuhan pemimpin dan calon Pas untuk melakukan kemusnahan diri sendiri.

Buktinya terpampang di depan mata. Pengundi yang akur dengan kehendak Perdana Menteri agar keluar beramai-ramai melaksanakan hak sebagai warga demokrasi - banyak kawasan mencatat peratus keluar mengundi melebihi 80 peratus dan sebahagian besarnya mengundi Pas dalam pilihan raya umum lain - kali ini menukar selera.

Begitu juga kebimbangan terhadap analisis awal yang menyenaraikan tidak kurang 48 kawasan Parlimen

yang ditakrifkan sebagai 'kelabu' atau 'kelabu-hitam' ternyata tidak berasas.

Baik kepada calon BN yang sudah ternama atau calon yang tergolong sebagai 'tidak berwajah dan tidak bernama' mahupun calon payung terjun yang terpaksa menumpang kasih di sini dan sana, kesudahannya dimenangkan dengan bantuan kehadiran suara dan keperibadian Pak Lah di merata-rata.

Benarlah, di bawah jenama BN, Pak Lah adalah produk terbaiknya.

Saki-baki penyokong Pas seharusnya sudah boleh merenungkan bahawa terdapat lebih daripada satu jalan untuk ke syurga.